

## Subsidi ala kadar?

**TERLEBIH** dahulu Awang ucapan terima kasih pada Tuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang umum Program Subsidi Petrol (PSP).

Khabarnya subsidi ini akan disalurkan terus pada akaun penerima Bantuan Sara Hidup (BSH).

Awang tahu niat kerajaan PH baik. PSP akan sasar 2.9 juta rakyat Malaysia. Mereka akan dapat RM30 sebulan untuk kereta dan RM12 untuk motosikal.

Sudah tentu terdengar suara tak puas hati dalam kalangan bakal penerima. Mereka kata apa yang boleh dibuat dengan RM30 sebulan? Makan roti canai, capati, nasi lemak dan teh tarik untuk empat orang waktu pagi pun dah lebih RM30. Berapa jauh kereta boleh pergi dengan minyak RM30?

Awang fikir, yang penting semangatnya. Itu kan janji PH untuk meringankan beban pengguna.

Bagaimanapun Awang rasa, jumlah subsidi itu tidak memadai. Kalau pengguna kenderaan tak dikenakan tol di

lebuhraya atau dikurangkan cukai lain yang membebankan, mungkin subsidi itu cukup.

PH janji nak hapus tol, tapi Tun Perdana Menteri kata, tak boleh hapus sekali gus, kena buat secara berperingkat-peringkat. Tapi dah setahun lebih berkuasa PH tak hapuskan satu tol pun.

Banyak perkara lain Tuk Seri Saifuddin kena buat. Kawal harga barang Kos hidup melambung tinggi.

Dulu kerajaan BN disalahkan sebab harga barang naik. Kononnya GST punca semua itu. Kalau PH menang mereka janji nak pastikan harga barang tak naik. Yang berlaku bukan harga barang turun tapi GST pun nak diperkenalkan semula.

Pada masa ini banyak pula syarikat yang tutup. Ekonomi tidak baik. Kata Menteri Sumber Manusia, M. Kula Segaran, dari Januari hingga September tahun ini, 24,600 orang diberhentikan kerja. Mungkin ramai lagi yang senasib dengan mereka.

Kerajaan PH tolong ambil perhatian semua ini.